

**PERATURAN PERTANDINGAN BOLA JARING
SUKAN SABAH (SAGA) XI, TAWAU 2025
(WANITA)**

1.0 PERATURAN AM

- 1.1** Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan mengikut Undang-undang **Permainan Bola Jaring Dunia (World Netball)** serta **Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM)**.
- 1.2** Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, undang-undang dalam Bahasa Inggeris yang terkini akan dipatuhi.
- 1.3** Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
 - 1.3.1** Semua kejadian am akan diputuskan berasaskan kepada **Peraturan Am Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025**.
 - 1.3.2** Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan berasaskan kepada **Undang-undang Permainan Bola Jaring Dunia "WN"**.
- 1.4** Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bola Jaring Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 berhak meminda dan menambah mana-mana peraturan dengan persetujuan Persatuan Bola Jaring Negeri Sabah (SABANA) dan Jawatankuasa Induk Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.
- 1.5** Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bola Jaring Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 berhak mengambil tindakan sewajarnya sekiranya mendapati mana-mana pasukan yang tidak menunjukkan semangat kesukanan sepanjang kejohanan, menipu maklumat pemain dan pasukan serta menggunakan strategi tidak sihat untuk mendapatkan kemenangan.
- 1.6** **Pemain yang terpilih** sebagai Pemain Pilihan Negeri selepas kejohanan ini tetapi **menolak tawaran untuk mengikuti aktiviti/program Persatuan Bola Jaring Negeri Sabah (SABANA) tidak dibenarkan menyertai sebarang kejohanan/pertandingan bola jaring anjuran atau pengelolaan SABANA untuk tempoh 2 tahun** kecuali atas sebab-sebab tertentu seperti melanjutkan pelajaran ke luar negara, menduduki peperiksaan (disahkan oleh sekolah/majikan/jabatan) serta kecederaan (disahkan oleh hospital/klinik kesihatan/Majlis Sukan Negeri).
- 1.7** Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Bola Jaring Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 adalah muktamad.

2.0 TARIKH PERTANDINGAN DAN TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

- 2.1** Taklimat Pengurus Pasukan : **10 Oktober 2025**.
- 2.2** Pertandingan ini akan bermula pada : **11 hingga 15 Oktober 2025**.

3.0 TEMPAT PERTANDINGAN

- 3.1** Pertandingan ini akan diadakan di **Dewan SJK (C) Hing Hwa, Tawau**.

4.0 PENYERTAAN

4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua daerah seluruh Sabah. Penyertaan hendaklah dibuat melalui daerah masing-masing.

4.2 Setiap kontinjen hanya boleh mendaftar satu (1) pasukan wanita yang terdiri daripada :

Pengurus Pasukan	1 orang
Pegawai	2 orang
Atlet	12 orang
Jumlah	15 orang

5.0 KELAYAKAN PESERTA & JURULATIH

5.1 Hanya peserta berumur di antara **14 – 20 tahun** iaitu yang lahir pada tahun **1 Januari 2005 – 31 Disember 2011** dan selepasnya sahaja yang layak didaftarkan oleh sesuatu pasukan.

5.2 Semua pasukan hendaklah mengemukakan salinan Kad Pengenalan dan gambar berukuran Passport semasa pendaftaran peserta.

5.3 Sebarang pertukaran peserta/atlet perlu mengisi **Borang Y** (pertukaran atlet) dan dihantar kepada Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan sebulan sebelum kejohanan bermula.

5.4 Pendaftaran dan kelayakan peserta adalah tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 4.8 dan Perkara 4.9** Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

5.5 **Jurulatih sukan Bola Jaring setiap daerah perlu memiliki sekurang-kurangnya Sijil Kehadiran Kursus Jurulatih Bola Jaring Tahap Pengenalan atau Sijil Sains Sukan Tahap 1.**

6.0 TAKLIMAT PENGURUS PASUKAN

6.1 Taklimat Pengurus Pasukan akan diadakan satu (1) hari sebelum pertandingan pertama dijalankan.

6.2 Pengurus-pengurus pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta berserta dengan Kad Pengenalan. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan.

6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa taklimat Pengurus Pasukan adalah muktamad.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

7.1 Pusingan Kelayakan Berpasukan :

7.1.1 Penganjur akan menjalankan Pusingan Kelayakan diperingkat zon jika terdapat penyertaan lebih dari lapan (8) pasukan bagi setiap acara.

7.1.2 **Hanya lapan (8) pasukan sahaja layak ke peringkat akhir iaitu Johan setiap Zon dan Tuan Rumah Venue Sukan adalah layak secara automatik. Manakala penentuan satu naib johan sahaja akan dinilai seperti penentuan berikut:**

- i. Sekiranya penyertaan **PENUH ATAU LEBIH DARI ZON LAIN** dari **salah satu Zon, Johan dan Naib Johan** akan layak ke Sukan Sabah XI Tawau 2025 dan
- ii. Sekiranya penyertaan **SEMUA ZON** mempunyai **JUMLAH BIL. PENYERTAAN DAERAH** yang **SAMA**. Maka penentuan melalui **Naib Johan Kumpulan** akan ditentukan melalui **agregat Mata (points)** yg tertinggi bagi melayakkan **salah satu** daerah ke Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025.

7.2 Peringkat Akhir (Sukan Sabah) :

7.3 Di mana penyertaannya terdiri daripada lapan (8) pasukan sahaja, maka pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan dalam dua (2) kumpulan iaitu ; kumpulan 'A' dan kumpulan 'B'.

7.3.1 Pasukan-pasukan yang bertanding akan diundi untuk menentukan kumpulan masing-masing.

7.3.2 Pemenang-pemenang pertama dan kedua dalam kumpulan 'A' dan 'B' layak memasuki peringkat Separuh Akhir seperti berikut:

'A1' Lawan 'B2'

'A2' Lawan 'B1'

7.3.3 Pemenang-pemenang dalam peringkat Separuh Akhir akan bermain di peringkat Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan. Pasukan-pasukan yang kalah akan bermain bagi menentukan tempat ketiga dan keempat.

7.4 Di mana penyertaannya terdiri daripada Sembilan (9) hingga dua belas (12) pasukan, maka pertandingan Peringkat Awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan yang dibahagikan dalam tiga (3) kumpulan iaitu kumpulan 'A', kumpulan 'B' dan kumpulan 'C'.

7.4.1 Pasukan-pasukan yang bertanding akan diundi untuk menentukan kumpulan masing-masing.

7.4.2 Pemenang-pemenang pertama dan kedua daripada kumpulan 'A', 'B' dan 'C' adalah layak memasuki Peringkat Kedua yang juga akan dijalankan secara liga dalam dua (2) kumpulan iaitu kumpulan 'D' dan 'E'. Pemenang pertama kumpulan 'A' dan 'C' dan pemenang kedua kumpulan 'B' akan diletakkan dalam kumpulan 'D'. Pemenang pertama kumpulan 'B' dan pemenang kedua kumpulan 'A' dan 'C' akan diletakkan dalam kumpulan 'E'.

7.4.3 Pemenang pertama dari kumpulan 'D' dan kumpulan 'E' akan memasuki pertandingan Akhir manakala pemenang kedua daripada kumpulan 'D' dan kumpulan 'E' akan bertanding untuk menentukan tempat ketiga dan keempat.

7.5 Di mana penyertaannya terdiri daripada tiga belas (13) pasukan atau lebih, maka pertandingan Peringkat Awal akan dijalankan secara Liga satu pusingan yang dibahagikan dalam empat (4) kumpulan iaitu kumpulan 'A', kumpulan 'B', kumpulan 'C' dan kumpulan 'D'.

7.5.1 Pasukan-pasukan yang bertanding akan diundi untuk menentukan kumpulan masing-masing.

7.5.2 Pemenang-pemenang pertama dan kedua dalam kumpulan 'A', 'B', 'C' dan 'D' layak

memasuki peringkat Suku Akhir yang akan dijalankan secara Kalah-Mati seperti berikut :

'A1' mln. 'C2'
'B1' mln. 'D2'
'C1' mln. 'A2'
'D1' mln. 'B2'

- 7.5.3 Pemenang-pemenang dalam peringkat Separuh Akhir akan memasuki peringkat Separuh Akhir seperti berikut :

'A1' / 'C2' mln. 'D1' / 'B2'
'B1' / 'D2' mln. 'C1' / 'A2'

- 7.5.4 Pemenang-pemenang dalam perlawanan Separuh Akhir akan memasuki perlawanan Akhir bagi menentukan Johan dan Naib Johan. Pasukan-pasukan yang kalah akan bermain bagi menentukan tempat ketiga dan keempat.

- 7.6** Pertandingan di peringkat Suku Akhir, Separuh Akhir dan Akhir akan dijalankan secara Kalah-Mati.

- 7.7** Sistem pemberian mata bagi pertandingan secara Liga adalah seperti berikut :

Menang	Seri	Kalah
2 mata	1 mata	0 mata

8.0 MENENTUKAN KEMENANGAN BAGI SESUATU PERLAWANAN

8.1 Keputusan Seri.

Sekiranya berlaku seri pada jumlah mata di akhir perlawanan secara Liga, maka keputusan perlawanan di antara kedua-dua pasukan akan diambil kira bagi menentukan pemenang, walau bagaimanapun :

- 8.1.1 Jika kedua-dua pasukan seri, atau jika lebih daripada dua pasukan mempunyai jumlah mata yang sama di akhir perlawanan, purata gol akan menentukan kedudukan (iaitu: jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yang kena).

- 8.1.2 Jika purata gol masih seri, maka perbezaan gol akan digunapakai (iaitu : jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena).

- 8.1.3 Jika kedudukan masih seri, maka pasukan yang menjaringkan gol terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang.

- 8.2** Sekiranya berlaku seri pada jumlah jaringan di akhir perlawanan secara Kalah Mati, maka prosedur tambahan untuk menentukan pemenang adalah seperti berikut:

- 8.2.1 Pasukan hendaklah diberi masa rehat Empat (4) minit diberi selepas tamat permainan.

- 8.2.2 **Masa tambahan hendaklah mengandungi dua (2) bahagian dan dimainkan selama tujuh (7) minit setiap separuh masa dengan 1 (Satu) minit masa rehat. Kedua – dua pasukan hendaklah bertukar Kawasan Gol di akhir separuh masa. Hantaran Tengah seterusnya akan diambil oleh pasukan yang berhak mengambilnya.**

- 8.2.3 Jika berlaku seri setelah masa permainan tamat, satu isyarat yang boleh dilihat hendaklah digunakan untuk menunjukkan permainan hendaklah diteruskan sehingga satu pasukan mendapat kelebihan dua (2) gol.

9.0 KELEWATAN

- 9.1 Lima belas (15) minit akan diberikan kepada pasukan-pasukan. Jika selepas masa itu sesuatu pasukan tidak dapat hadir dengan sekurang-kurangnya lima (5) orang pemain, maka pasukan berkenaan dikira menarik diri daripada pertandingan.

10.0 TEMPOH PERLAWANAN

- 10.1 Tempoh perlawanan untuk Pusingan Akhir adalah secara Empat Suku iaitu lima belas (15) minit bagi setiap suku dengan masa rehat Suku Pertama dan Ketiga selama empat (4) minit dan masa rehat bagi Separuh Masa ialah lapan (8) minit.
- 10.2 Tempoh perlawanan untuk pusingan kelayakan adalah selama empat puluh (40) minit dan terbahagi kepada Dua bahagian, dimana setiap bahagian adalah selama dua puluh (20) minit dengan masa rehat selama lima (5) minit.

11.0 PAKAIAN PESERTA

- 11.1 Setiap pasukan hendaklah memakai pakaian seragam iaitu corak, bentuk dan warna yang sama. Pakaian seragam yang sama hendaklah dipakai di sepanjang kejohanan.
- 11.2 Setiap pemain hendaklah memakai baju-T atau jersi dengan 'skirt' atau '*track-bottom*'. '*Bloomers*' yang sama warna dengan skirt hendaklah digunakan. Seluar pendek atau '*tight*' tidak dibenarkan.
- 11.3 Setiap pasukan dikehendaki membawa dua (2) set bib berlainan warna yang ketinggian hurufnya adalah enam (6) inci.
- 11.4 Sekiranya kedua-dua pasukan memakai bib yang sama warna, **maka keputusan pertukaran bib akan dilakukan oleh pasukan kedua mengikut dalam Jadual Pertandingan.**

12.0 MENARIK DIRI

- 12.1 Menarik diri tidak dibenarkan. Jika ianya berlaku, pasukan berkenaan dianggap menarik diri daripada keseluruhan pertandingan dan pasukan berkenaan tidak dibenarkan lagi menyertai perlawanan seterusnya.
- 12.2 Tindakan disiplin terhadap pasukan yang menarik diri akan diambil oleh Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal Persatuan Bola Jaring Sabah (SABANA).

13.0 PENANGGUHAN

- 13.1 **Sekiranya di atas sesuatu sebab, perlawanan tidak dapat diteruskan, maka Pengadil dengan persetujuan Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal berhak menangguhkan perlawanan.**
- 13.2 Perlawanan yang ditangguhkan itu akan ditentukan seperti berikut:

- 13.2.1 Sekiranya perlawanan ditangguhkan pada hari yang sama, maka perlawanan akan disambung mengikut baki masa yang tinggal.
- 13.2.2 Sekiranya perlawanan ditangguhkan ke hari yang lain, maka perlawanan hendaklah dimainkan semula.
- 13.2.3 Jawatankuasa Pengelola mempunyai kuasa untuk menangguhkan atau mengubah sesuatu jadual atau tempat pertandingan dengan terlebih dahulu memberitahu atau diputuskan secara serta-merta.
- 13.2.4 Jawatankuasa Pertandingan dan Teknikal Bola Jaring Sukan Sabah XI, Tawau 2025 akan menetapkan semula perlawanan yang tertangguh itu.

14.0 PEGAWAI-PEGAWAI TEKNIKAL PERTANDINGAN

- 14.1 Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan akan melantik Ketua Delegat Teknikal, Delegat-delegat Teknikal dan Pegawai-pegawai Teknikal setelah berbincang dengan Persatuan Bola Jaring Negeri Sabah (SABANA) tertakluk kepada **Peraturan Am Perkara 14.0**.
- 14.2 Ketua Delegat Teknikal hendaklah mengemukakan laporan bersama-sama dengan laporan pengadilan atau hakim mengenai peserta atau pegawai pasukan yang telah digantung daripada menyertai satu atau kesemua pertandingan bagi sukan berkenaan semasa Sukan Sabah (SAGA) XI, Tawau 2025 dijalankan kepada Persatuan Bola Jaring Negeri Sabah untuk tindakan selanjutnya.
- 14.3 Keputusan pengadil dalam setiap perlawanan adalah muktamad.

15.0 BANTAHAN DAN RAYUAN

- 15.1 Semua bantahan atau rayuan hendaklah dikemukakan oleh Pengurus Pasukan secara bertulis kepada **Ketua Teknikal Delegat**, Sukan Bola Jaring tidak lewat daripada tiga puluh (30) minit selepas sesuatu perlawanan itu tamat.
- 15.2 Setiap bantahan hendaklah disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak **RM 200.00** tunai.
- 15.3 Wang pertaruhan akan luput, jika bantahan atau rayuan yang dikemukakan itu didapati tidak wajar.

16.0 TINDAKAN TATATERTIB

- 16.1 Tindakan tatatertib yang diambil ialah mengikut Undang-undang Persekutuan Bola Jaring Dunia "WN".
- 16.2 Seorang pemain yang diarah keluar gelanggang dan tidak dibenarkan meneruskan permainan adalah dengan sendiri digantung bermain dalam perlawanan berikutnya, sehinggalah Jawatankuasa Tatatertib telah mengambil tindakan yang sewajarnya.
- 16.3 Mana-mana pemain atau pengurus atau jurulatih pasukan mengeluarkan kata-kata kesat dengan tujuan mengaibkan mana-mana pemain atau pegawai pasukan lain akan diberi amaran dan jika masih tidak mengendahkan amaran yang diberikan, maka pihak penganjur berhak untuk meminta pemain atau pegawai tersebut meninggalkan venue Pertandingan.

17.0 JURI BANTAHAN DAN RAYUAN

17.1 Juri Bantahan dan Rayuan terdiri daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Persatuan Bola Jaring Sabah (SABANA) iaitu:

1	Pengerusi terdiri daripada Jawatankuasa Pengelola Pertandingan
2	Ketua Delegat Teknikal / Pengurus Pertandingan atau wakil yang dilantik
3	Tiga (3) orang Pengurus Pasukan yang tidak terlibat

17.2 Juri Bantahan dan Rayuan akan bersidang dan membuat keputusan dalam masa dua (2) jam setelah menerima bantahan atau rayuan.

17.3 Keputusan Juri Bantahan dan Rayuan adalah muktamad.

18.0 JAWATANKUASA TATATERTIB

18.1 Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada lima (5) orang yang dilantik oleh Persatuan Bola Jaring Negeri Sabah (SABANA) iaitu:

- 18.1.1 Presiden SABANA atau wakilnya.
- 18.1.2 Pengerusi Jawatankuasa Pengelola.
- 18.1.3 Pengerusi Jawatankuasa Tetap peringkat daerah atau wakilnya.
- 18.1.4 Ketua Delegat Teknikal atau wakilnya.
- 18.1.5 Pengurus Pertandingan atau wakilnya.

18.2 Jawatankuasa Tatatertib akan bersidang dalam masa dua (2) jam setelah menerima laporan daripada Pengarah Pertandingan/Pengurus Pertandingan dan Pengadil serta membuat keputusan jika tindakan tatatertib perlu diambil berlebihan daripada **Perkara 16.2 di atas**.

18.3 Jawatankuasa Tatatertib berhak mendapatkan sebarang maklumat lanjut daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu untuk membuat keputusan.

18.4 Semua keputusan Jawatankuasa Tatatertib adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada rayuan, baik di mahkamah mahupun dengan cara lain.

19.0 HADIAH-HADIAH

19.1 Pingat-pingat kemenangan akan disediakan seperti berikut:

Emas	Perak	Gangsa
1 (15)	1 (15)	1 (15)

19.2 Pemberian pingat-pingat kemenangan adalah tertakluk kepada **Peraturan Tetap Perkara 14.3**.